

Malaysia tetap tidak iktiraf Israel — Mahathir

KUALA LUMPUR 28
Dis. —

Malaysia tetap dengan pendiriannya tidak mengiktiraf Israel kerana negara itu perlu melakukan 'banyak lagi perkara' dalam usaha mengembalikan kedaulatan bumi Palestin, kata Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, antara perkara yang perlu dilakukan oleh Israel ialah menukarkan sepenuhnya perjanjian Israel-Palestin yang ditandatangani pada September lalu.

"Dalam perjanjian itu, Palestin dikehendaki tidak menggunakan senjata tetapi tiada pengakuan daripada pihak Israel bahawa mereka juga tidak akan menggunakan sebarang corak ganas dalam usaha untuk mencapai matlamat negara itu," katanya.

Lawatan

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan rasmi ke Angkor Wat, di sini, hari ini.

Selain itu, tegas Dr. Mahathir, antara masalah yang masih timbul dalam perjanjian itu, Israel sehingga kini tidak membuat sebarang pendirian berhubung negara Palestin.

"Ini bermakna perjanjian yang ditandatangani masih belum mencukupi, dan perkara ini telah dijangka oleh Malaysia bahawa perjanjian ini tidak dapat dilaksanakan.

"Oleh itu kita terpaksa menanti dulu sebelum mengambil tindakan un-

tuk menerima negara Israel dan berharap mereka (Israel) akan menampakkan kemajuan ke arah itu," katanya.

Ditanya mengenai sikap Israel yang sengaja melewat-lewatkan pengundurannya dari Semenanjung Gaza dan Jericho, Perdana Menteri berkata, Israel memang sengaja melakukan demikian tetapi di pihak Arab juga timbul kecacauan di kalangan mereka.

Sengketa

"Tetapi saya yakin akhirnya Israel akan berundur juga...," katanya.

Mengenai sengketa yang berlaku di kalangan orang Arab di Palestin, Dr. Mahathir berkata, apa yang berlaku adalah sesuatu yang menakutkan kerana memang orang Yahudi dan orang Arab bermusuh sepanjang masa.

"Tetapi kita juga harus ingat orang Arab dengan orang Arab lebih kuat bermusuh daripada mereka bermusuh dengan orang Yahudi, sebab itulah apabila perdamaian dicapai ada pihak-pihak yang tidak menyokongnya...seolah-olah mereka mahu mengekalkan keadaan sengketa selalunya," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menegaskan, sudah tentu dalam keadaan kucar-kacir tidak mungkin mana-mana pihak mendapat segala-galanya yang dituntut sama ada tuntutan itu datang dari orang Arab atau Yahudi.

"Ada pihak yang membuat tuntutan yang keterlaluan dan berlebihan, apabila tuntutan itu tidak dipenuhi mereka menyalahkan pihak yang sanggup berdamai.

"Sebab itulah sehingga hari ini kita lihat keadaan yang tidak menyenangkan," katanya.

Mengulas mengenai peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menyelesaikan isu antarabangsa sepanjang tahun ini, Dr. Mahathir berkata, Malaysia semangannya tidak berpuas hati dengan peranan PBB.

Katanya, Malaysia telah melahirkan rasa tidak puas hati beberapa kali dengan sikap PBB dan negara Eropah.

"Bagaimanapun, baru-baru ini kita merasa senang hati sedikit apabila pihak Amerika Syarikat telah mengundi di sebelah pihak kebanyakannya negara Islam yang meminta supaya pengantungan terhadap Bosnia ditarik balik supaya orang-orang Bosnia berhak membeli senjata untuk mempertahankan diri mereka.

Bosnia

"Ini perlu dilakukan kerana jelas tidak ada pihak yang sanggup mempertahankan orang Bosnia," katanya.

Dr. Mahathir menambahkan, apa yang berlaku jelas menunjukkan bahawa apa juga yang disuarakan oleh negara Eropah mengenai hak asasi manusia dan demokrasi hanyalah cakap-cakap saja dan tidak mempunyai makna sama sekali.